

Sayyid atau lainnya dengan hukum-hukum syarak yang dijadikan sebagai perkara ibadah. Keturunan Hassan dan Hussin adalah sama taraf mereka dengan orang lain dalam hukum syarak. Adapun (hadis) yang telah warid pada menentukan keluarga Nabi (SAW) dengan setengah-setengah hukum seperti diharamkan mereka menerima zakat, itu adalah maakul tujuannya, tiada boleh seseorang pun menambahnya, kerana ketentuan (*al-Takhshīs*) adalah berlainan daripada qiyas, maka tiada boleh diqiyaskan atasnya di dalam hadis sahih: Bahawa keluarga Nabi yang diharamkan mereka menerima zakat ialah Bani Hāshim dan Bani al-Muṭallib bukan terkhas kepada keturunan Fātimah sahaja; dan bahawa kufu di dalam nikah tiada boleh diambil dalil membolehkan dengan “*fada ‘il*” (kelebihan darjat) dan (*al-Khaṣā’is*) (keistimewaan-keistimewaan) tetapi soal kufu itu hendaklah ditentukan dengan nas syarak: Maka tidak ada suatu pun nas yang sahih di dalam soal kufu ini. Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī di dalam syarah Bukhārī berkata: *Lam yathibtu fi i’tibār al-kaḥā’; fi al-nisab ḥadīth.*” Ertinya: “Tiada sabit suatu hadis pun yang mengakui kufu itu di dalam nasab keturunan.” Berkenaan qiyas pula, Sayyid Riḍā berkata: “Alim ulama ahli fekah yang mengatakan kufu itu pada ansab keturunan, maka hujahnya (alasannya) yang sahih ialah qiyas yang tujuannya menolak malu, tetapi kalau perkara itu tiada mendatangkan malu, (yakni tidak menjadi landasan umpat caci masyarakat) maka kufu di dalam nasab keturunan itu tidak ada harganya (gugur)...”

* * *

Perintah Yang Wajib Ditaati

Aḥmad ‘Abdul Ghānī, Rembau, Negeri Sembilan bertanya:

Perintah cara manakah yang wajib ditaati mengikut ajaran al-Quran?

Jawab: Perintah-perintah yang wajib ditaati ialah perintah-perintah yang diturunkan oleh Allah dan disampaikan oleh Rasul-Nya dan

keputusan-keputusan yang diambil daripada pemesyuaratan yang berkebijakan di antara pemerintah-pemerintah untuk kebijaksanaan bersama. Tuhan telah berfirman (maksudnya): “Hai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan ulul amri (orang-orang yang berkuasa) dari di antara kamu” (Q al-Nisā’ ayat 59)

Ūlī al-Amr (orang-orang yang berkuasa) yang dimaksudkan di dalam Islam ialah pemerintah yang dipilih untuk menunaikan kewajibannya menyelenggarakan umat dengan adil dan saksama dan bersedia menerima segala teguran dan fikiran sekalipun di tengah-tengah ramai. Tiap-tiap pemerintah yang menjalankan pekerjaan itu hendaklah ia bermesyuarat di dalam jemaahnya - bukan menurut kemahuan mereka sendiri. Allah berfirman (maksudnya): Bermesyuaratlah kamu kepada kebijaksanaan dan apabila telah kamu berazam dengannya maka bertawakallah kamu kepada Allah (untuk menjalankannya).

Dasar bermesyuarat itu adalah suatu dasar yang disuruh dan diperintahkan supaya dibuat oleh pemeluk-pemeluk Islam sekiranya perintah-perintah itu telah dimesyuaratkan dengan diketahui akan manfaat dan mudaratnya maka perintah yang sedemikian itu adalah patut ditaati. Tetapi kalau perintah-perintah itu datangnya daripada seseorang dengan tidak dimesyuaratkan dan menuntut supaya mesti ditaati maka yang demikian itu, jika terbitnya daripada pemerintah sudah tentu caranya disebut cara diktator, sedang Islam adalah ditaja dengan cara bermesyuarat.

* * *

Harap Perhati

Dalam jawapan Abu al-Mokhtar yang lalu telah tertinggal sebaris berkenaan riwayat Muḥammad Bin ‘Abdul Wahāb, yang betulnya seperti di bawah ini:

Muḥammad Bin ‘Abdul Wahāb ialah seorang ulama yang berpengaruh yang telah mendapat sokongan besar daripada ‘Abdul Rahman Bin Sa‘ūd moyang Raja Sa‘ūd yang ada sekarang ini.